

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

Aliran ekonomi global diunjur perlahaan 2.2 peratus

Aliran ekonomi global diunjur perlahaan 2.2 peratus

PARIS - Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dijangka merosot daripada 3.1 peratus tahun ini kepada 2.2 peratus pada 2023, menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dalam Tinjauan Ekonomi terbaharunya pada Selasa.

Angka 2022 itu adalah separuh daripada kadar yang dicatatkan pada 2021 ketika pemulihan daripada wabak Covid-19, dan kadar pertumbuhan yang diunjurkan untuk 2023 jauh daripada ramalan

sebelum tercetusnya konflik Rusia-Ukraine, lapor Xinhua.

“Asia akan menjadi enjin pertumbuhan utama pada 2023 dan 2024, manakala Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan akan menyaksikan pertumbuhan yang sangat rendah,” menurut OECD.

Pasaran utama yang sedang pesat membangun adalah di Asia manakala ekonomi di Amerika Syarikat dan Eropah dijangka perlahaan. - Bernama